

D131

U B914 DEB
MAHATHIR - KRAFTANGAN

KUALA LUMPUR, 3 JUN (BERNAMA) -- PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA AKAN DILETAKKAN DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI TIDAK LAMA LAGI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KEPUTUSAN MELETAKKAN PERBADANAN ITU DI BAWAH TANGGUNGJAWAB BELIAU DIBUAT OLEH KABINET BARU-BARU INI.

BELIAU BERHARAP AKAN DAPAT MEMBERI KHIDMAT YANG LEBIH BAGI KEMAJUAN PERBADANAN DENGAN ADANYA TANGGUNGJAWAB ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGUMUMKAN DEMIKIAN SEMASA MENGHADIRI MAJLIS HARI RAYA AIDIL FITRI KELUARGA PERBADANAN ITU BERSAMA-SAMA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI DI PERKARANGAN PERKAMPUNGAN KARYANEKA DI SINI.

PERBADANAN ITU KINI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, BELIAU PUAS HATI DENGAN KEMAJUAN KEGIATAN KRAFTANGAN, YANG KINI MAMPU MENJUAL HASIL BERNILAI \$400,000 SEBULAN BERBANDING PADA MASA LEPAS YANG SUKAR MEMPEROLEHI \$100,000 SETAHUN. -- LAGI

1905MST 03 06 89

D134

U B915 DEB
MAHATHIR - KRAFTANGAN 2 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU, KEGIATAN KRAFTANGAN KINI BERKEMBANG PESAT SEHINGGA TIDAK LAGI MENJADI KEGIATAN MASA LAPANG MALAH MENJADI SEBUAH INDUSTRI.

PERBADANAN HENDAKLAH MEMPELBAGAIKAN HASIL KRAFTANGANNYA DENGAN MENGGUNAKAN BAHAN-BAHAN YANG MUDAH DIPEROLEHI DI NEGARA INI, KATANYA SAMBIL MEMBERI CONTOH SEJENIS KRAFTANGAN DARIPADA KAYU YANG DIAMBIL DARI SUNGAI DAN PANTAI, YANG BELIAU TEMUI SEMASA DI BOSTON, AMERIKA SYARIKAT BARU-BARU INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYARANKAN PENGUSAHA-PENGUSAHA KRAFTANGAN NEGARA INI MENCONTOHI PENGUSAHA KRAFTANGAN DI BARAT YANG MENUBUHKAN PERSATUAN PENGUSAHA KRAFTANGAN YANG BERTUJUAN MENINGKATKAN PENCAPAIAN DALAM BIDANG ITU, DI SAMPING MELINDUNGI KEPENTINGAN MEREKA.

BELIAU BERKATA, PENGUSAHA TEMPATAN JUGA BOLEH BERBUAT DEMIKIAN MISALNYA DENGAN MENUBUHKAN PERSATUAN PERKAYUAN DAN PERSATUAN INDUSTRI SERAMIK DEMI MEMAJUKAN BIDANG BERKENAAN.

KATANYA, MESKIPUN NEGARA MENGUTAMAKAN DASAR PANDANG KE TIMUR TETAPI TIDAK SALAH JIKA RAKYAT MENCONTOHI NILAI-NILAI YANG BAIK DARI BARAT. -- LAGI

1911MST 03 06 89

D137

U B916 DEB
MAHATHIR - KRAFTANGAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENERIMA ANUGERAH +FREEDOM OF THE WORSHIPFUL COMPANY OF CARPENTERS+ DARIPADA PERSATUAN TUKANG KAYU BRITAIN DI LONDON BARU-BARU INI.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI KEMUDIAN MENYERTAI PERTANDINGAN CONGKAK AIDIL FITRI YANG TURUT DISERTAI OLEH TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR, DATUK TAJOL ROSLI GHAZALI DAN Pengerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan, TAN SRI HAJAH AISHAH GHANI. -- BERNAMA

1916MST 03 06 89